

# Islam sesuai untuk semua zaman

**KUALA LUMPUR, Jumaat —** Cara hidup Islam tidak bermakna meniru seratus peratus atau mencipta semula keadaan pada zaman Rasulullah (s.a.w.) kerana Islam sesuai untuk semua zaman dan masyarakat, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan sentiasa memikirkan mengenai urusan negara yang boleh disesuaikan dengan Islam, khususnya bagi sistem kewangan moden yang membabitkan urusan bank.

"Walaupun Islam melarang riba, tidak mungkin bank dan peminjaman wang dapat dibuat tanpa keuntungan sama sekali kepada pihak yang memberi pinjaman. Maka dibentuklah sistem Bank Islam yang tidak ada di zaman Rasulullah (s.a.w.)," katanya.

Menurutnya, melalui perkiraan penilaian pendapatan daripada hutang, Bank Islam boleh mendapat keuntungan yang tidak membebankan orang berhutang tanpa tekanan faedah.

"Demikian juga, walaupun di zaman Rasulullah (s.a.w.) tidak ada urusan insurans, melalui Takaful kita dapat mengadakan insurans yang tidak bercanggah dengan Islam.

"Berkenaan kutipan zakat juga, sistem pelaksanaannya hendaklah sesuai dengan zaman ini tanpa bertentangan dengan ajaran Islam," katanya berucap melancarkan Operasi Pungutan Zakat Secara Korporat di sini, hari ini.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, ada pihak tetap berpendapat bahawa pemerintahan dan pentadbiran Rasulullah 1,400 tahun dahulu perlu dicontohi seratus peratus tanpa mengambil kira keadaan dan kemajuan zaman.

"Bahkan, ada yang menambah dan menokok kepada amalan dan larangan agama kerana kononnya ini adalah lebih baik di sisi agama," katanya.

Menurutnya, jika umat Islam cuba mengembalikan masyarakat zaman ini kepada keadaan dan persekitaran zaman dahulu, maka sukar untuk mempertahankan kenyataan bahawa Islam adalah sesuai untuk semua zaman dan tempat.